



## Tahujiah

### WARGA BATU GAJAH, ANDA HEBAT!

#### MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JUARA

Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Antara PBT Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2021 Peringkat Negeri Perak

01

#### PENGARAH JAS PERAK RASMI MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN

Program Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Antara Zon MDBG

02

#### MAJLIS PELANCARAN

Pelan Antirasuah Organisasi Majlis Daerah Batu Gajah Tahun 2021-2025 dan Ikrar Bebas Rasuah

03

#### SESI CABUTAN BERTUAH

Mega Tunai Bonanza (Cabutan Premium)  
Majlis Daerah Batu Gajah Tahun 2021





**PENASIHAT**

**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP.**

**KETUA EDITOR**

**SHAHIRI BIN TAN**

**PENOLONG KETUA EDITOR**

**MAKHLIS BIN OTHMAN**

**SIDANG EDITOR**

**MOHAMAD SHAH RIDLA BIN MOHD ISMET  
AZLENA BINTI AMINUDDIN  
NORLIA BINTI ANNUAR  
NUR INTAN BINTI ZAHARI  
NOR HAZAHAYANI BINTI MAT ZAIN**

**REKA BENTUK BRAFIK**

**FATIN HAZWANI BINTI TARMIDZI**

**FOTOGRAFI**

**AHMAD KAMARUL ANWAR BIN SULINAN  
SYED JAMIL HASNAN BIN SHEIKH HASSAN**

**PENERBIT**

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH  
JALAN HA JI ABDUL WAHAB,  
31000 BATU GAJAH,  
PERAK DARUL RIDZUAN.**

**TELEFON: 05-363 2020**

**FAKS : 05-366 5930**

**E-MEL : PENTADBIRAN@MDBG.GOV.MY**

**FACEBOOK : WWW.FACEBOOK.COM/MDBATUGAJAH**

# MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JUARA

## Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Antara PBT Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2021 Peringkat Negeri Perak

23 Oktober 2021

Alhamdulillah dengan kerjasama antara Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dan komuniti penduduk Batu Gajah, MDBG muncul JUARA dalam Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Antara PBT Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2021 Peringkat Negeri Perak. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YAB Dato' Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan.

# Tahniah!

## WARGA BATU GAJAH, ANDA HEBAT!





# MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN

Program Pertandingan Pengumpulan Sisa Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Antara Zon Majlis Daerah Batu Gajah



17 Oktober 2021

Telah berlangsungnya Majlis Perasmian Penutupan Program Pertandingan Pengumpulan Sisa Elektrik dan Elektronik ( E-waste ) di Pasar Awam Batu Gajah hari ini. Perasmian penutup telah dijayakan oleh Tuan Haji Rosli bin Zul, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, Mohamad Razif Bin Ramli, Ahli-Ahli Majlis dan Rakan Strategik, DNK Metal Recovery (M) Sdn Bhd. Terima kasih diucapkan kepada wakil penduduk serta komuniti yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

Kerjasama yang erat di antara komuniti dan MDBG harus sentiasa diteruskan pada masa akan datang. Syabas diucapkan kepada yang berjaya. Bagi MDBG, seluruh komuniti penduduk di dalam kawasan pentadbiran ini adalah pemenang.



**Tukar Barangan e-Waste kepada TUNAI**

**ON CALL**

TARIKH KUTIPAN:  
01 OKTOBER - 19 OKTOBER 2021

LOKASI PENGUMPULAN:  
BERDASARKAN PANGGILAN YANG DITERIMA

<p><b>BATU GAJAH</b></p> <p>30 SEPTEMBER 2021 Tapak Parkir, Bangunan Pejabat Utama, MDBG</p> <p>02 OKTOBER 2021 Pejabat Cawangan MDBG, Jalan Pasar Batu Gajah</p> <p>14 OKTOBER 2021 Tapak Pasar Malam, Taman Bemban Raya</p> <p>16 OKTOBER 2021 Tapak Pasar Malam, Taman Batu Gajah Perdana</p> <p>18 OKTOBER 2021 Tapak Kitar Semula, Dataran Niaga Kg Sentang</p>	<p><b>PUSING</b></p> <p>03 OKTOBER 2021 Dewan Orang Ramai Kg. Papan Lama</p> <p>11 OKTOBER 2021 Dewan Bandar Sri Pengkalan</p> <p><b>TRONOH</b></p> <p>05 OKTOBER 2021 Pejabat Cawangan MDBG, Tronoh</p> <p>12 OKTOBER 2021 Pusat Komuniti Medan Ball Emas</p> <p>13 OKTOBER 2021 Laluan Masuk Utama, Taman Desa Tronoh</p> <p>16 OKTOBER 2021 Laluan Masuk Utama, Desa Tronoh Jaya</p>	<p><b>TG. TUALANG</b></p> <p>04 OKTOBER 2021 Pejabat Cawangan MDBG, Tg. Tualang</p> <p>17 OKTOBER 2021 Pasar Awam, Kampung Sg. Durian</p> <p><b>LAHAT DAN SIMPANG PULAI</b></p> <p>06 OKTOBER 2021 Surau Taman Raja Mesra</p> <p>09 OKTOBER 2021 Surau Bandar Pulai Jaya</p> <p>10 OKTOBER 2021 Taman Desa Pelancongan</p>
--	---	--

☎ 05 - 3632020

✉ mdbg.pro@gmail.com

Papan kekunci/Tetikus (Keyboard/Mouse)	RM1
Mesin pencetak (Printer)	RM 1
Komputer riba (Laptop)	RM2
Komputer 1 set (Desktop)	RM 7
Kamera (Camera)	RM1
Projektor (Projector)	RM1
Telefon bimbit (Mobile phone)	RM1
Televisyen (CRT, LCD, Television)	RM6
Penghawa dingin 1 set (Air conditioner)	RM12
Peralatan kecil isi rumah (Small household appliances)	RM1
Ketuhar (Microwave)	RM2
Periuk Nasi (Rice Cooker)	RM2
Peti Sejuk (Refrigerator)	RM5
Mesin basuh (Washing machine)	RM6
Seterika (Iron)	RM1
Penyedut habuk (Vacuum cleaner)	RM1
Kipas (Stand fan)	RM1
Kipas Siling (Ceiling fan)	RM2

#Eco-Warrior



E-Waste dikategorikan sebagai buangan terjadual dibawah kod SW 110, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling 1974. Didalam Kod SW 110, E-Waste merupakan buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik.

Kesan kandungan sisa Elektronik terhadap kesihatan adalah seperti plumbum yang boleh mengakibatkan perkembangan otak terjejas, Berilium yang mana boleh menyebabkan kanser paru-paru dan penyakit kulit, Kadmium yang boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang dan hati serta kerosakan saraf dan lain-lain.

Sistem pengurusan E-waste yang sempurna selain dapat menjamin tahap kesihatan manusia, ia juga dapat memelihara bumi daripada pencemaran ianya mengandungi logam berharga yang mempunyai nilai kitar semula yang tinggi yang boleh menjana ekonomi negara.

Matlamat penganjuran program pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (e-waste) ini adalah untuk:

- i. Meningkatkan kesedaran orang awam akan tanggungjawab terhadap pengurusan buangan e-waste dengan cara yang selamat dan mesra alam;
- ii. Memperkukuhkan kerjasama antara pengeluar / penjual / pengedar barangan elektrik dan elektronik serta penglibatan agensi kerajaan mengenai kepentingan untuk bertanggungjawab terhadap i pengurusan e-waste;
- iii. Membudayakan masyarakat untuk menguruskan buangan e-waste secara mesra alam dan lestari; dan
- iv. Memastikan buangan e-waste diluruskan dengan cara yang mesra alam mengikut Peraturan-Peraturan Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

## PROGRAM PENGUMPULAN SISA BARANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE)

**"LUPUSKAN BARANG ELEKTRIK ANDA DENGAN BETUL"**



30 September 2021

Penganjuran program adalah inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah dalam usaha memberi didikan kepada komuniti dalam kawasan pentadbiran ke arah persekitaran yang lestari.

Konsep waste to money dimana komuniti akan mengumpul / menyediakan / menyimpan barangan kitar semula masing-masing untuk ditukarkan dengan barangan keperluan harian dan wang tunai bagi barangan e-waste.

Perkhidmatan kutipan barangan sisa elektrik dan elektronik disediakan. Sila rujuk jadual kutipan seperti yang telah dilampirkan. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Majlis Daerah Batu Gajah di talian 05-3632020.



30 September 2021, Bangunan Utama MDBG



02 Oktober 2021  
Pejabat Cawangan MDBG,  
Jalan Pasar Batu Gajah



11 Oktober 2021, BBandar Sri Pengkalan



03 Oktober 2021, Kg. Papan Lama



10 Oktober 2021  
Taman Desa Pelancongan



20 Oktober 2021  
Perkarangan Masjid Nur Ramadhan,  
Taman Seri Raja



04 Oktober 2021  
Pejabat Cawangan MDBG,  
Tg. Tuaiang



12 Oktober 2021  
Pusat Komuniti Medan Bali Emas,  
Tronoh

# MAJLIS PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI MAJLIS DAERAH BATU GAJAH TAHUN 2021-2025 DAN IKRAR BEBAS RASUAH

Tarikh : 15 September 2021 (Rabu)  
Masa : 10.00 pagi


Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi MDBG 2021-2025, dengan menumpukan kepada empat bidang keutamaan, iaitu penguatkuasaan undang-undang, kewangan, tadbir urus, serta perkhidmatan. Majlis yang diadakan secara dalam talian melalui Facebook rasmi MDBG turut disaksikan oleh Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Perak, Dato' Haji Mohd Fauzi Bin Haji Mohamad, dan Ketua Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, En. Jacob Raju a/l Jayadurai.

Pelan Antirasuah Organisasi diperkenalkan sebagai inisiatif mandatori di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, melalui Strategi 2, iaitu memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan juga Strategi 6 iaitu memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat.

Yang Dipertua MDBG, Mohamad Razif bin Ramli berkata, "Warga Kerja Majlis Daerah Batu Gajah menyahut saranan Kerajaan Malaysia dalam memastikan "Malaysia Negara Bebas Rasuah". Input penting dalam pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi Majlis Daerah Batu Gajah (OACP) 2021 - 2025 adalah penekanan kepada unsur penerapan etika murni sebagai mekanisme pendedahan secara berterusan kepada warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah."

Beliau turut berharap agar kesinambungan gerak kerja dan pelan tindakan yang dilaksana adalah selari. Kerjasama yang erat antara dalaman organisasi serta hubungan baik bersama *stakeholders* wajar diteruskan dengan sebaik mungkin agar objektif dalam pencegahan rasuah dan budaya kerja berintegriti secara total dapat dilaksanakan MDBG.

Secara ringkas, OACP Majlis Daerah Batu Gajah merangkumi empat (4) bidang keutamaan iaitu Penguatkuasaan Undang-undang, Kewangan, Tadbir Urus, dan Perkhidmatan, disokong oleh lima (5) objektif strategi dan tiga puluh (30) inisiatif jangka pendek (1-2 tahun) dan tiga (3) inisiatif jangka panjang (3-5 tahun). Perancangan yang realistik dan tidak kompleks adalah faktor utama yang membolehkan pelan ini dapat direalisasikan oleh warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah. Justeru, pemantauan dan penambahbaikan wajar dilaksana serta merta setelah sesi ini selesai.



Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Di Majlis Daerah Batu Gajah. Pelancaran Pelan Antirasuah Orga


“

Objektif utama OACP Majlis Daerah Batu Gajah adalah **Membentuk Warga Kerja Majlis Daerah Batu Gajah yang Berintegriti menerusi empat (4) bidang keutamaan** yang telah dirangka.

”

**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP.**  
Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah

## RINGKASAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



## BIDANG KEUTAMAAN YANG BERISIKO





## SESI CABUTAN BERTUAH MEGA TUNAI BONANZA (CABUTAN PREMIUM) MAJLIS DAERAH BATU GAJAH TAHUN 2021

24 NOVEMBER 2021

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah melaksanakan Program Cabutan Bertuah Mega Tunai Bonanza bagi pembayar cukai yang telah menjelaskan bayaran cukai setahun bagi tahun 2021 pada 7 Mei yang lepas. Berikutan pandemik yang melanda, hadiah bagi enam peserta untuk Cabutan Premium terpaksa ditangguhkan. Oleh itu, satu sesi khas telah diadakan bagi cabutan tersebut.

Jumlah keseluruhan wang tunai yang diberikan adalah berjumlah RM10,000.00. Hadiah telah disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua, Mohamad Razif bin Ramli diiringi Tuan Setiausaha, Shahiri bin Tan. Tahniah kepada pembayar cukai yang telah berjaya memenangi cabutan bertuah ini. Semoga inisiatif yang dirangka dapat memberi manfaat dan diharapkan penganjuran program ini pada masa akan datang mendapat sambutan daripada komuniti penduduk Batu Gajah.



## LAWATAN SAMBIL BELAJAR PUSAT KAJIAN ALAM MELAYU (KALAM) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) SKUDAI JOHOR BAHRU KE BATU GAJAH



30 Oktober 2021 - Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) mengalu-alukan kedatangan KALAM ke Batu Gajah bagi membuat tinjauan bangunan-bangunan lama yang mempunyai nilai warisan.

Lokasi yang menjadi pilihan adalah bangunan lama di sekitar Pekan Papan, Istana Billah, Tanjung Tualang Tin Dredge No.5 (TT5), Masjid Toh Puan Hatijah dan Kellie's Castle.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Tourism Perak yang mengiringi KALAM ke Batu Gajah. Semoga lawatan ini dapat meningkatkan imej pelancongan dalam kawasan pentadbiran MDBG.

## PENYERAHAN SUMBANGAN BARANG KEPERLUAN ASAS DARIPADA DATUK BANDAR IPOH BERSAMA PENGURUS BESAR ECONSAVE

1 Ogos 2021 - Penyerahan sumbangan barang keperluan asas daripada Datuk Bandar Ipoh bersama Pengurus Besar Econsave Wilayah 2 kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah di Pejabat Penghulu, Mukim Sg. Raia, Simpang Pulai.

Terima kasih atas sumbangan yang diberikan bagi menampung keperluan komuniti yang berada dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).



## PENGAGIHAN SUMBANGAN BEKALAN KEPERLUAN ASAS KEPADA PENDUDUK BANDAR PULAI JAYA

2 Ogos 2021 - Majlis Daerah Batu Gajah turut membantu mengagihkan bekalan keperluan asas kepada 1020 buah rumah di Bandar Pulai Jaya, salah satu kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Semoga dengan bantuan ini dapat meringankan beban mereka yang terjejas akibat pandemik COVID19.

Kepada penduduk Bandar Pulai Jaya yang terputus bekalan makanan, sila hubungi Pusat Kawalan Operasi Bencana ( PKOB ) di talian 010-537 5875, 011- 1532 5875 dan 016-944 5100 ( Whatsapp).



## PENYERAHAN SUMBANGAN BARANG KEPERLUAN ASAS DARIPADA SYARIKAT PASTEL GLOVE SDN. BHD.

12 Oktober 2021 - Penyerahan sumbangan barang keperluan asas daripada Syarikat Pastel Glove Sdn. Bhd. kepada Majlis Daerah Batu Gajah.

Terima kasih atas sumbangan yang diberikan bagi menampung bekalan sumbangan untuk serahan kepada komuniti terkesan dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah.



## #IXORA - SUMBANGAN TIGA (3) BUAH KOMPUTER UNTUK SEKOLAH

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menyumbang tiga (3) unit komputer kepada Sekolah Kebangsaan St. Paul untuk kegunaan pelajar. Semoga sumbangan yang diberikan dapat memberi manfaat kepada pelajar sekolah ini.



**PERTANDINGAN FOTOGRAFI**

TEMA :  
64 TAHUN MERDEKA : MALAYSIA MILIK KITA SEMPERNA  
BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2021

**TEMPOH PENYERTAAN :  
03 - 13 SEPTEMBER 2021**

**3 HADIAH WANG TUNAI  
MENANTI ANDA !!!**

- RM 500.00**
- RM 300.00**
- RM 200.00**

**TERMA DAN SYARAT - SYARAT PENYERTAAN**

- Terbuka kepada komuniti penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah (alamat kad pengenalan)
- Selap individu hanya layak menghantar satu (1) penyertaan sahaja
- Gambar boleh diambil menggunakan telefon pintar atau kamera dan hanya Basic Editing sahaja dibenarkan
- Penyertaan (gambar) hendaklah dimuat naik ke laman sosial Facebook masing-masing dan tag @Majlis Daerah Batu Gajah dengan meletakkan #merdeka4mdbg2021 dan hantar butiran anda ke peti masuk Facebook Majlis Daerah Batu Gajah (gambar dan maklumat : Nama, alamat, nombor kad pengenalan, e-mel dan nombor telefon)
- Gambar yang dihantar hendaklah mempunyai nilai kemerdekaan dan melibatkan skop pembangunan Batu Gajah dan tarikan pelancongan
- Keputusan pertandingan akan diumumkan pada 30 September 2021 secara atas talian di Facebook rasmi Majlis Daerah Batu Gajah
- Gambar pemenang yang dipilih akan menjadi hak milik Majlis Daerah Batu Gajah
- Sebarang bantahan boleh dikemukakan ke pentadbiran ini menerusi surat rasmi dengan bayaran sebanyak RM. 100.00 dalam tempoh 24 jam selepas pengumuman pemenang

**SEBARANG PERTANYAAN :**  
05 363 2020  
mdbg.pro@gmail.com

majlisdaerahbatugajah  
https://www.mdbg.gov.my  
mdbgatugajah  
05-363 2020

Majlis Daerah Batu Gajah telah menganjurkan Pertandingan Fotografi yang bertemakan “64 Tahun Merdeka : Malaysia Milik Kita Semperna Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2021”. Pertandingan ini terbuka kepada komuniti penduduk dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah (alamat kad pengenalan). Hadiah wang tunai terkumpul berjumlah RM 1,000.00 menanti pemenang! Tempoh penyertaan bermula daripada 03 September hingga 13 September 2021.

## SIARAN LANGSUNG PENGUMUMAN PEMENANG PERTANDINGAN FOTOGRAFI KEMERDEKAAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH TAHUN 2021



Sesi pengumuman pemenang Pertandingan Fotografi Kemerdekaan anjuran Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah diadakan secara langsung di Facebook Rasmi MDBG pada 01 Oktober 2021 jam 3.00 petang.

Majlis Daerah Batu Gajah mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pemenang yang terpilih serta semangat patriotik yang ditunjukkan.

Kepada peserta yang tidak berjaya, jangan putus asa. Tahun depan kita bertanding lagi.



# #1



Nama Malaysia sangat terbilang,  
Melahirkan ramai tokoh dan wira,  
Ayuhlah kibarkan jalur gemilang,  
Tanda cinta pada negara.



*Selamat Menyambut Bulan Kemerdekaan.*



# #2



# #3



## SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA, PERINGKAT BATU GAJAH DENGAN KERJASAMA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BERSAMA PEJABAT KESIHATAN DAERAH KINTA

3 Disember 2021 – Majlis Daerah Batu Gajah dengan usahasama Pejabat Kesihatan Daerah Kinta telah menganjurkan Hari Keselamatan Makanan Sedunia bertempat di Pasar Awam Pusing. Selaras dengan tema “Keselamatan Makanan Bermula di Pasar”, program ini dilaksana bagi memberi pendedahan kepada peniaga pasar awam tentang menjaga kebersihan ketika mengendalikan makanan.

Program ini disempurnakan dengan pemberian sijil lantikan Duta Keselamatan Makanan dan kit keselamatan makanan kepada peniaga Pasar Awam Pusing oleh Encik Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua MDBG, Dr.Asmah bin Zainal Abidin, Pegawai Kesihatan Daerah Kinta dan Encik Leong Chee Wai, Ahli Majlis MDBG Zon 11.



## LAWATAN KERJA YAB MENTERI BESAR PERAK KE TANJUNG TUALANG TIN DREDGE NO.5 (TT5)

9 Disember 2021 – YAB Menteri Besar Perak, Dato’ Saarani Mohamad telah mengadakan satu lawatan kerja ke Tanjung Tualang Tin Dredge No.5 (TT5) diiringi YB Dato’ Nolee Ashilin binti Dato Mohammed Radzi Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Negeri Perak, YB Dato’ Ahmad Suaaidi bin Abdul Rahim Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, dan Encik Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.



## LAWATAN DAN PENYERAHAN KIT PERKEBUNAN KEPADA PEMILIK KEBUN KOMUNITI

18.12.2021

Pegawai Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah mengadakan lawatan ke kebun komuniti terpilih di beberapa kawasan dalam pentadbiran MDBG.

Selain itu, satu set kit perkebunan juga telah diserahkan kepada pemilik kebun. Selain dapat menaikkan semangat mereka, inisiatif ini juga dapat menggalakkan komuniti penduduk Batu Gajah bagi menjaga kebersihan serta merealisasikan kempen Batu Gajah Hijau Bersih Indah.



## PROGRAM PEKAN KARTUN V.7 DARK TOURISM KELLIE'S CASTLE BATU GAJAH

Pekan Kartun V.7 telah diadakan bermula 18 hingga 19 Disember 2021. Bagi yang tidak mengetahui apakah Pekan Kartun, program ini menghimpunkan kartunis-kartunis terkenal tanah air untuk berkarya di sini.

Antara yang menarik adalah Coswalk Competition, Tomb Doodle Battle, Hotwheels Race dan lain-lain lagi. Majlis perasmian dan acara penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, Encik Mohamad Razif bin Ramli.



## PROGRAM RIADAH BERBASIKAL JELAJAH MASJID, ANJURAN MASJID TOH PUAN BESAR HATIJAH BATU GAJAH PERAK DENGAN KERJASAMA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Telah berlangsungnya Program Riadah Berbasikal Jelajah Masjid, anjuran Masjid Toh Puan Besar Hatijah dengan Kerjasama Majlis Daerah Batu Gajah pada 26 Disember 2021 (Ahad) lalu. Program turut diraikan bersama oleh Pegawai Daerah Kinta, Tuan Haji Meor Hezullah bin Meor Abd Malik dan YBrs. Puan Halizah binti Sipun selaku Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pembangunan).



Penyerahan sumbangan bantuan kepada asnaf di kawasan sekitar turut diberikan bagi menampung keperluan harian individu yang memerlukan hasil usaha sama Masjid Toh Puan Besar Hatijah Batu Gajah Perak dan Majlis Daerah Batu Gajah.

## TURUN PADANG (TURPA)

### Program Pemberian Vaksin Di Dewan Komuniti Taman Bersatu Simpang Pulai

04 September 2021

Pengurusan Tertinggi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Dato' Nolee Ashilin Binti Dato' Mohamed Radzi, Exco Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, YB Tan Kar Hing, Encik Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, Tuan Ahmad Munir bin Ishak, Setiausaha Majlis Bandaraya Ipoh telah hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang bertempat di Taman Bersatu Simpang Pulai bagi meninjau komuniti di sana yang sedang menunggu giliran bagi menerima vaksin.

Perlindungan maksimum kepada tubuh badan adalah selepas dua minggu suntikan vaksinasi lengkap COVID19. Vaksinasi mampu menyelamatkan nyawa.



### TURPA Bersama Yang Dipertua ke Dataran Pusat Penjaja Sentang

07 Oktober 2021

Libat Urus Yang Dipertua MDBG, Ahli Majlis MDBG dan pasukan teknikal MDBG bersama komuniti peniaga Kg. Sentang bagi pemantauan kerja-kerja pembinaan Dataran Komuniti Sentang serta kerja-kerja berkaitan di RPT Sentang.



### TURPA Ahli Majlis, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) ke Kaunter Kutipan Luar dan Pendaftaran Vaksin Serta Kaunter Bergerak Permohonan Bantuan One-Off Penjaja

05 September 2021

Ahli Majlis MDBG yang dilantik hadir ke lokasi program bagi menjayakan objektif yang dirangka.

Selain daripada pembukaan kaunter kutipan hasil, peniaga yang ingin memohon bantuan one-off penjaja dan peniaga kecil, anda boleh berbuat demikian di khemah yang telah disediakan.

MDBG berharap inisiatif ini dapat memberikan kemudahan serta manfaat kepada semua komuniti penduduk Batu Gajah.



### TURPA bagi Isu Banjir oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah

25 November 2021

Satu sesi turun padang telah diadakan bersama Yang Dipertua dan Jabatan Teknikal Majlis Daerah Batu Gajah ke Taman Chenderong Jaya bagi membincangkan isu banjir yang berlaku di kawasan tersebut.



# LIBAT URUS KOMUNITI

## Sesi Libat Urus Bersama Komuniti Peniaga di Jalan Tanjung Tualang (Hadapan Medan Selera Tanjung Tualang)

09 Disember 2021

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah melaksana satu sesi libat urus bersama peniaga yang bertempat di Pejabat Cawangan MDBG di Tanjung Tualang.

Sesi ini turut dihadiri oleh ahli majlis, pegawai Jabatan Kerja Raya dan pegawai daripada Jabatan Teknikal MDBG. Terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir.



## Sesi Libat Urus Bersama Komuniti RPA Siputeh

15 Disember 2021

Sesi libat urus bersama Yang Dipertua, MDBG, Indah Water Konsortium Sdn.Bhd, Syarikat Konsesi dan Ahli Majlis Zon 19 (En. Zainuddin bin Said) bagi tindakan pembetulan mengenai isu yang dibangkitkan oleh komuniti di RPA Siputeh.



## GOTONG-ROYONG KECERIAAN JALAN ALTERNATIF KE TAMAN BANDAR PULAI (BPJ) SIMPANG PULAI, KG.KEPAYANG

5 Disember 2021 – Majlis Daerah Batu Gajah dengan kerjasama Ahli Majlis, Unit Pembangunan Luar Bandar Pejabat Daerah dan Tanah, Penghulu Mukim Sg.Raia, syarikat konsesi Puncak Emas Infra dan penduduk Bandar Pulau Jaya sedang melaksana kerja-kerja menceriakan jalan alternatif ke Taman Bandar Pulau.

Syabas diucapkan kepada komuniti penduduk Bandar Pulau Jaya yang sentiasa mengambil inisiatif bagi menceriakan kawasan taman.Semoga contoh yang baik ini dapat diikuti.



# Misi Bantuan Solidariti Mangsa Banjir



Terima kasih diucapkan kepada penjawat awam Majlis Daerah Batu Gajah dan komuniti penduduk Batu Gajah yang bermurah hati memberi bantuan kepada mangsa banjir di Shah Alam. Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban mereka dalam mengharungi kesukaran yang dihadapi ketika ini.



**LOKASI : SHAH ALAM, SELANGOR**  
**TARIKH : 23 DISEMBER 2021**

Misi Bantuan Solidariti Mangsa Banjir Shah Alam, Selangor oleh Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) pada hari ini diketuai Encik Mohamad Razif bin Ramli, Tuan Yang Dipertua MDBG. Selain sumbangan makanan dan barangan keperluan,



**KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)**

**LOKASI : HULU LANGAT**  
**TARIKH : 27 & 28 DISEMBER 2021**

Seramai 32 anggota dari Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) yang diketuai oleh Encik Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua MDBG bersama Majlis Perbandaran Kajang telah menjalankan kerja-kerja pembersihan bagi membantu mangsa-mangsa banjir.

Misi ini melibatkan tujuh (7) buah kenderaan pacuan empat roda, tiga (3) buah lori bagi melancarkan pelaksanaan kerja dan bantuan kepada komuniti di kawasan ini.

Selain pembersihan, Encik Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua MDBG turut menyampaikan bantuan dalam bentuk keperluan harian kepada penduduk sekitar kawasan tersebut. Sebagai makluman, sumbangan tersebut adalah pemberian ikhlas daripada warga kerja MDBG dan komuniti penduduk Batu Gajah. Syabas dan terima kasih diucapkan.



# PANDUAN PENJAGAAN DIRI KETIKA MUSIM BANJIR



## AWAS, BANJIR BOLEH MENDATANGKAN BAHAYA SEPERTI:

- Lemas
- Kecederaan seperti terpijak objek tajam/ terjatuh ke dalam longkang
- Terkena renjatan elektrik
- Penyakit berjangkit seperti taun, cirit-birit & demam kepialu

### PASTIKAN ANDA:

- ⚠️ Jauhi tempat dilanda banjir
- ⚠️ Pindah segera ke pusat pemindahan apabila diarah pihak berkuasa
- ⚠️ Matikan semua punca bekalan elektrik
- ⚠️ Tidak menyentuh dawai elektrik



## TIPS NORMA BAHARU DI PUSAT PEMINDAHAN BANJIR



Kerap cuci tangan dengan air sabun/pensanitasi tangan



Jangan berbual dekat antara satu sama lain



Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter



Jangan bersalaman & bersentuhan



Pakai pelitup muka



Jangan berkongsi peralatan persendirian

Sumber: [infosihat.gov.my](http://infosihat.gov.my)

Diterbitkan: 3 Jan 2021  
Infografik Bernama



# FLIN MAP

## BATU GAJAH



AIR TERJUN  
SUNCAI CHELIK

KAWASAN PERKELAHAN  
KOLAM AIR PANAS  
LUBUK TIMAH

GUNUNG RAPAT

CUA HAGAMAS

TAMAN  
HERBA PERAK

KAWASAN  
PERKELAHAN  
HUTAN LIPUR  
PAPAN

TAMAN  
HERBA PAPAN

KELLIE'S  
CASTLE

CLEARWATER  
SANCTUARY  
GOLF RESORT

ISTANA  
RAJA BILLAH  
PAPAN

KELAB  
GOLF  
KINTA

TAMAN  
ALAM  
KINTA

WARISAN GALERI  
KAPAL KOREK

PENTERNAKAN ITIK  
KC. BAHARU TRONOH

TANJUNG TUALANG  
UDANG CALAH



# SEJARAH BATU GAJAH

Mengikuti versi yang pertama, apabila bijih timah mula dijumpai di Batu Gajah, ramai pedagang asing dari Sumatera datang melalui Sungai Kinta untuk berdagang timah. Mereka semuanya penganut agama Buddha yang menyembah berhala. Oleh sebab tempat tersebut belum bernama, mereka telah mengukir dua batu besar di tebing Sungai Kinta menyerupai bentuk dua ekor gajah. Kemudiannya, batu itu telah diletakkan di tebing Sungai Kinta untuk dua tujuan. Pertama, untuk memudahkan mereka mengenali tempat tersebut dan keduanya mungkin sebagai tempat penyembahan.

*'This stone is addressed as the Toh Gaja, and everyone passing is supposed to pluck a Handful of grass or leaves, and striking the Toh Gaja seven times on the bres with them, To ask him for fine weather for the journey'*

Versi kedua menurut orang-orang tua, pada zaman dahulu terdapat sejenis makhluk bernama Sang Kelembai (Gelembai atau Gedembai)). Makhluk ini dikatakan mempunyai kuasa untuk mengubah benda-benda hidup menjadi batu apabila ia menegurnya. Pada waktu itu, daerah ini diliputi hutan tebal tempat gajah-gajah liar merayau dengan bebas. Suatu hari, dua ekor gajah yang sedang menyeberangi Sungai Kinta telah ditegur oleh Sang Kelembai lalu menjadi batu; Batu berbentuk dua ekor gajah itu masih terdapat di Sungai Kinta berhampiran Kampung Pisang, tetapi ia hampir hilang akibat hakisan dan kegiatan perlombongan. (3) Kisah legenda ini tidak pernah disahkan benar atau sebaliknya.

Versi ketiga berkaitan dengan kegiatan perlombongan bijih timah. Pada peringkat awal, perlombongan bijih dikuasai oleh orang Melayu. Pekerja mereka ialah orang Cina. Semasa kerja melombong, mereka telah menemui batu-batu sebesar gajah dan keras seperti kepala gajah. Pelombong-pelombong kemudiannya menamakan kawasan yang mempunyai batu-batu itu 'Batu Gajah' (Batu Besar).

Perlu dinyatakan di sini bahawa gajah bukanlah sesuatu yang asing bagi orang Melayu. Binatang darat paling besar ini telah digunakan secara meluas sebagai kenderaan atau alat pengangkutan darat di negeri-negeri Melayu sehinggalah awal tahun 1910-an. Dalam perarakan diraja Perak, pasukan gajah yang membawa rengga\* biasanya dihias berwarna-warni diiringi oleh juak-juak yang berpakaian indah membawa alat-alat kebesaran dan payung diraja. Di samping itu, gajah juga digunakan dalam kerja-kerja pembalakan dan mengangkut hasil serta alatan perlombongan bijih timah di daerah Kinta.

Panggilan nama 'Batu Gajah' ini bermula apabila ia telah di datangi oleh orang-orang dari suku kaum Batak, Kurinci, Selayang, Bugis, Batu Bara, Kampar dan Mendailing. Mereka datang menaiki sampan atau sekuci, perahu dan lading melalui muara Sungai Perak menuju terus ke Sungai Kinta membawa barangan keperluan pelombong dan penduduk kampung. Perjalanan dari Teluk Anson (Teluk Intan) ke Batu Gajah biasanya memakan masa empat hingga lima hari. Apabila tiba di sesebuah kampung, gong dibunyikan untuk menarik para pelanggan. Orang Kampar membawa kain hitam, belacan, kain sutera putih, kain rawa (batik, tembakau, atap nipah dan ikan peda (pekasam) untuk dijual. Dalam perjalanan balik pula mereka mengangkut naik bijih timah.

Batu Gajah terletak di mukim Sungai Terap, iaitu salah satu sebuah mukim dalam Jajahan Kinta. Pada peringkat awalnya, mukim Sungai Terap di dalam pegangan Dato' Amar di Raja. Beliau ialah orang Besar 16 di bawah kelolaan Dato' Panglima Kinta. Di antara Dato' Amar yang terkenal ialah Tok Amar Naam, Tok Amar Abu Kassim dan Tok Amar Pandak Akhat. Tok Amar Naam telah dilantik oleh Sultan Ismail, yang ketika itu pentadbirannya berpusat di Pulau Cempaka Sakti pada tahun 1872, iaitu sebelum bermula campur tangan British di Perak. Selepas Tok Amar Naam meninggal dunia, jawatan tersebut telah diambil alih anaknya Tok Amar Abu Kassim. Pada masa itu, pihak British sudah mula memansuhkan hak di bawa pembesar Melayu tempatan dalam urusan mengutip cukai dan pentadbiran di kawasan mereka. Tok Amar Kassim merupakan seorang yang alim dan tokoh yang tidak mahu tunduk terhadap pentadbiran British. Jawatan tersebut kemudiannya dipegang oleh Tok Amar Pandak Akhat. Pihak British telah menjadikan pembesar Melayu sebagai kakitangannya. Dato' Amar Pandak Akhat telah diberi sugu hati sebanyak \$1,050 sebulan. Ini kerana jasa baik beliau dapat menyelesaikan masalah pergaduhan kaum Cina di Papan. Bagaimanapun, pada akhir hayatnya, beliau hanya menerima pencen sebanyak \$500 sebulan. (4) Peranan Dato' Amar di Raja menjadi kurang penting apabila Batu Gajah dijadikan pusat pentadbiran British bagi jajahan Kinta pada tahun 1892. Walau bagaimanapun sebagai pembesar Melayu, beliau tetap mempunyai pengaruh istimewa dan tersendiri di kalangan penduduk tempatan.

## ACARA PELANCONGAN TAHUNAN



### CABARAN MOTORCROSS BATU GAJAH

LOKASI : TAPAK WARISAN  
KAPAL KOREK



### DARK NIGHT TOUR

LOKASI : KELLIE'S CASTLE



### MTB JAMBOREE


LOKASI : BATU GAJAH

HOTEL/RESORT	BIL. BILIK	TARAF BINTANG
SRI DAMAI CLEARWATER SANTUARY GOLF RESORT	27 WATERFRONT CHALET	★★★★★
HOTEL PULAI	45 BILIK	
DE BOTANI HOTEL	44 BILIK	★★
PULAI CITY HOTEL	20 BILIK	
HOTEL TROPICANNA PULAI POINT	12 BILIK	
HOTEL BAJET PULAI	10 BILIK	
HAPPY OWL	4 BILIK	HOTEL BAJET
HOTEL BUMI GAJAH	7 BILIK	HOTEL BAJET
SUN SHINE REST HOUSE	15 BILIK	HOTEL BAJET
PUSING HOTEL	8 BILIK	HOTEL BAJET
GOOD LUCK HOTEL	8 BILIK	HOTEL BAJET
RUMAH TUMPANGAN TAICHONG	4 BILIK	HOTEL BAJET
HOTEL ROYALE	32 BILIK	HOTEL BAJET



## TEMPAT MENARIK DI

### BATU GAJAH



## TEMPAT MAKAN DI

### BATU GAJAH



#### NASI LEMAK KUKUS PAK NAN

- 4°29'24.0"N 101°00'33.2"E
- Beroperasi Setiap Hari
- 8.00 pagi - 12.00 tengah hari

#### TOP ONE CAFE & ICE CREAM

- 4°28'12.5"N 101°02'31.5"E
- Beroperasi Setiap Hari Kecuali Hari Rabu
- 11.00 pagi - 8.00 malam

#### 131 CAPATI CORNER

- 4°28'18.5"N 101°02'32.0"E
- Beroperasi Setiap Hari Kecuali Hari Ahad
- 11.00 pagi - 4.00 petang

#### GAZEBO ABC NASH

- 4°29'52.6"N 101°04'31.1"E
- Beroperasi Setiap Hari
- 8.00 pagi - 1.00 petang

#### MAN MEE KARI

- 4°28'30.5"N 101°02'47.3"E
- Beroperasi Setiap Hari
- 7.00 pagi - 2.00 petang



#### KELANG KOPITIAM

- 4°28'27.8"n 101°03'36.3"e
- Beroperasi Setiap Hari
- 11.00 pagi - 12.00 malam

#### KEDAI BOT ROTI PURI

- 4°28'04.1"n 101°01'29.0"e
- Beroperasi Isnin - Sabtu
- 7.00 pagi-12.00 tengah hari

#### NASI AYAM RAILWAY

- 4°28'25.9"n 101°02'32.5"e
- Beroperasi Isnin - Sabtu
- 7.00 pagi - 3.00 petang

#### Z CORNER

- 4°28'00.1"n 101°02'31.6"e
- Beroperasi Isnin - Sabtu
- 7.00 pagi - 3.00 petang





Terbitan:



Majlis Daerah Batu Gajah  
Jalan Haji Abdul Wahab, 31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.  
Tel: 05-363 2020 | Faks: 05-366 5930